

13/05/2000

Pelajar perlu hayati perjuangan Umno: PM

PRESIDEN Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menasihati pelajar universiti menghayati dan memahami perjuangan politik Umno tetapi meminta mereka bersabar sehingga bersedia sepenuhnya sebelum berpolitik secara aktif.

Sehubungan itu, pendedahan akan diberi kepada pemimpin pelajar terutama mereka yang menganggotai Kelab Umno di luar negara, mengenai perjuangan parti untuk memberi gambaran sebenar kepada golongan itu.

Dalam perjumpaan lebih dua jam antara Perdana Menteri dan 16 wakil Kelab Umno luar negara semalam, pemimpin pelajar terbabit menerima penjelasan mengenai pelbagai perkara terutama perkembangan politik negara.

Ahli Jawatankuasa Kelab Umno Universiti Tri-State, Chicago, Amerika Syarikat, Ahmad Nazim Ali, berkata penjelasan Dr Mahathir adalah pembuka mata kepada pelbagai kekeliruan yang menghantui pelajar tempatan di luar negara.

"Berita dari negara sendiri amat terhad, sebaliknya pelajar tempatan terdedah kepada pelbagai tohmahan dan fitnah sebaran media asing yang pengaruhnya terlalu kuat untuk ditangkis.

"Ini termasuk dakwah parti politik pembangkang khususnya Pas, yang menjadi ikutan ramai pelajar tempatan di luar negara.

"Bagi kami yang sempat menemui Dr Mahathir, penjelasan beliau cukup terperinci serta memberi banyak maklumat sebenar dan wajar disampaikan kepada rakan kami yang masih keliru.

"Pada masa sama, ini akan membantu pelajar tempatan di luar negara mengemukakan hujah serta bukti bagi menangkis dakwah dan kritikan media asing," katanya.

Ahmad Nadzim berkata, Dr Mahathir menjelaskan semua anggota kerajaan serta pemimpin Umno diarah menyebarkan maklumat mengenai ekonomi dan politik tempatan apabila mereka melawat pelajar di luar negara.

Katanya, Dr Mahathir pada dasarnya berpuas hati dengan pelajar di luar negara tetapi berpendapat penyebaran maklumat perlu dimantapkan supaya pemikiran mereka tidak diracuni fitnah anasir asing.

Beliau berkata, ramai pelajar tempatan diberhentikan atau digantung pengajiannya oleh universiti masing-masing kerana bertindak keterlaluan berikutan pembabitan dalam politik.

Katanya, tidak kurang juga yang buntu untuk menjawab kritikan pakar ekonomi asing, yang menyerang bertubi-tubi terhadap dasar kawalan mata wang yang diamalkan di sini, kerana kurang maklumat mengenainya.

Walaupun begitu, kata Ahmad Nazim, beliau yakin strategi baru Umno untuk mendekatkan diri dengan pelajar universiti, khususnya di luar negara, akan memberi kesan positif jangka panjang.

(END)